

LIMA 2017
LANGKAWI

Langkawi digegar enjin pesawat, letupan



Persembahan udara cukup memuaskan dengan kehadiran jet dan letupan. Persembahan ini kami tunggu-tunggu, selain pameran pada Sabtu dan Ahad ini”

➔ LIMA kembali pameran aset terbaru pertahanan udara, maritim



BH
22/3/17

Zulhazri Ariffin,
Pengunjung



Saya tak pernah terlepas menyaksikan persembahan udara di LIMA bersama anak dan cucu. Walaupun sudah tua, minat masih mendalam terhadap temasya dua tahun sekali ini”

Abdul Rahim Mohamed,
Pengunjung



m/s 4

Oleh Adha Ghazali, Alzahrin Alias, Mustakim Ramli dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Deruman enjin pesawat dan letupan menggelegar sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di sini semalam, membuka tirai Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa 2017 (LIMA 2017).

Kehadiran solo pesawat pejuang F/A-18 Hornet menarik tumpuan hadirin, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Timba-

Fakta nombor


300 DELEGASI pertahanan, keselamatan serta pameran LIMA 2017

55 KAPAL dan bot sertai segmen maritim

40,000 PESAWAT sasaran pengunjung perdagangan

106 PESAWAT serta segmen aeroangkasa

555 SYARIKAT pempamer dari 38 negara




LIMA 2017

LANGKAWI



[FOTO DANIAL SAAD / BH]



UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
22 MAR 2017
U.R.D
M.B.P.J.

Persembahan aerobatik pasukan Black Eagle dari Korea Selatan sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2017.

Demonstrasi maritim sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) 2017 di Resorts World Langkawi.



lannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang tidak mahu terlepas menyaksikan kehebatan jet dan juruterbangnya.

Pamer aset negara

Ibarat medan perang, kemunculan bertali arus aset udara milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memecah kesunyian dengan aksi aerobatik dan formasi dipertontonkan yang mendedarkan hadirin.

Cuaca cerah memberi keselesaan kepada lebih 5,000 pengunjung termasuk barisan VIP yang hadir untuk mengamati persembahan padu barisan aset yang membentengi keselamatan negara.

Pertunjukan udara, Gambit ber-

mula jam 8.45 pagi sejurus Perdana Menteri selesai merasmikan pameran, disusuli pesawat pelbagai fungsi A400M yang menjadi aset terbaharu TUDM khususnya Skuadron 22.

Tiga pesawat pengangkut tentera yang diterima Malaysia secara berperingkat mulai 2015 itu melakukan lintasan udara dengan formasi menarik, mengundang tepukan gemuruh hadirin.


Yang turut menyertai pertunjukan udara ialah tujuh pesawat ringan Pilatus PC7 MK11, lima helikopter Hawk, dua pesawat pejuang Sukhoi Su-30MKM dan tiga helikopter Eurocopter EC725.

Aksi paling memukau milik Sukhoi Su030MKM yang turut ter-

kenal dengan jolokan *bad boy* atau budak nakal, disusuli letupan sebagai penamat majlis perasmian.

LIMA 2017 berlangsung sehingga 25 Mac ini dengan 106 pesawat pelbagai jenis menjadi tarikan ruang aeroangkasa di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), manakala 55 kapal dan bot menghiasi segmen maritim.

Ruang udara Langkawi akan turut diisi pertunjukan harian aset udara dari pelbagai negara, termasuk aerobatik yang antara lain membariskan Jupiter dari Tentera Nasional Indonesia (TNI), Russian Knights dari Tentera Udara Russia dan Black Eagles dari Tentera Udara Korea Selatan (ROKAF).



Najib melawat pempamer syarikat Korea Aerospace Industries Ltd selepas merasmikan LIMA 2017 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi semalam.

Ketangkasan anggota elit buka segmen maritim LIMA'17

Kehebatan pasukan elit agensi pertahanan, keselamatan dan penguatkuasaan negara ditampikan pada pelancaran segmen maritim LIMA 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, petang semalam

Agensi berkenaan memabitkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.

Mendedarkan pengunjung

Gabungan ketangkasan anggota setiap pasukan yang dipersembahkan dalam demonstrasi, nyata mendedarkan ratusan pengunjung yang menghadiri majlis pelancaran di Resorts World di sini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri di Jaba-

tan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pelancaran dimulakan dengan misi pencarian sebuah kotak mengandungi kunci menggunakan peralatan canggih TLDM dan Pasukan Khas Laut (PASKAL).

Najib kemudian melawat ruang pameran segmen maritim LIMA 2017 dan merasmikan majlis menamakan kapal KM Pekan yang dihadiahkan kepada APMM oleh Kerajaan Jepun.

BERNAMA